

05 NOV 1999

Mahathir-Pentadbiran

PENTADBIRAN MALAYSIA ELAK TERLIBAT DENGAN POLITIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata jentera pentadbiran Malaysia berjaya mengekalkan profesionalismenya dan mengelak daripada terlibat dengan politik partisan.

Beliau berkata pemisahan itu amat penting kerana penglibatan dengan politik partisan boleh menjejaskan pelaksanaan dasar dan rancangan kerajaan semasa.

Ketika berucap pada jamuan malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) 1999 di Seri Kembangan, di sini, beliau berkata perkhidmatan pentadbiran sedar bahawa jika ada di kalangan mereka yang aktif dalam memajukan politik pembangkang, perkara yang sama boleh berlaku apabila pembangkang pula membentuk kerajaan.

"Ini kerana, sudah tentu pegawai yang memihak kepada parti kerajaan yang dikalahkan akan cuba secara aktif menggagalkan dasar kerajaan baru.

"Dengan ini jentera kerajaan tidak akan berkesan walau parti apa pun yang memerintah. Yang menjadi mangsa ialah negara dan rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata pendirian peribadi mengenai politik tidak boleh diambil kira atau mempengaruhi pelaksanaan keputusan kerajaan semasa.

Katanya kepesatan pembangunan di Malaysia membuktikan bahawa umumnya golongan pentadbir di negara ini sememangnya bersikap profesional.

"Jika adapun yang tidak profesional, bilangan mereka amatlah kecil. Saya percaya pentadbir di Malaysia akan terus bersikap profesional demi kebaikan negara dan kita semua sebagai warga negara yang tercinta ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata jentera pentadbiran yang tidak menimbulkan apa-apa masalah telah membantu kerajaan ketika ia merancang dan melaksanakan tindakan pemulihan ekonomi negara.

"Berkat sokongan dan ketenteraman pegawai dan kakitangan kerajaan, dapatlah kerajaan mencipta pendekatan kita sendiri bagi mengatasi kegawatan yang melanda negara kita," katanya.

Beliau berkata walaupun gaji yang diperolehi tidak lagi boleh membeli sebanyak seperti dahulu dengan elaun tertentu dihentikan dan semakan gaji tidak dibuat, mereka tidak mengambil apa-apa tindakan perusahaan.

Perdana Menteri berkata selain tidak menuntut apa-apa dan menerima baik tindakan berjimat cermat yang dibuat kerajaan, ramai yang menjalankan tugas tambahan untuk membekal Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan maklumat yang cukup bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi.

Dr Mahathir berkata pegawai-pegawai PTD akan memainkan peranan besar dalam proses membangunkan Malaysia sehingga menjadi negara maju.

"Saya yakin dengan kebolehan pegawai PTD terutama dalam menguasai sistem kerajaan elektronik supaya proses pencapaian kemajuan negara akan berjalan dengan cepat dan lancar," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata pentadbiran awam Malaysia berjaya mengubah sistem pentadbiran "elitist" warisan British bagi membolehkan kerajaan pilihan rakyat melayan kehendak rakyat dengan memuaskan.

Menurutnya sistem pentadbiran "elitist" menjadikan pegawai kerajaan satu kasta yang tinggi dan terasing daripada rakyat.

-- BERNAMA

MAM NAK